




TAHNIAH Kumpulan Inovatif dan Kreatif AKAR, Perpustakaan Tun Dr. Ismail kerana menerima anugerah Emas semasa Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat UiTM, 2016. - m/s 3...

Antara Menarik di Dalam



PRODUK INOVASI 2010 -2016
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 5



BERITA KAMPUS PASIR GUDANG
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 9



LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN
Ke Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 14

Oleh : Nor Azelea binti Mohd Azahar

Hargai Dan Menghargai

Dalam kesibukan mengejar duniawi, sering kali kita terlupa banyak perkara penting dalam kehidupan. Perkara yang sebenarnya memberi lebih makna pada sebuah kehidupan, perkara yang hakikatnya akan memberi kebahagiaan sejati dalam kehidupan yang abadi. Perkara yang penting, yang dapat membahagiakan dan menceriakan kehidupan sehari-hari.

Dalam sesebuah organisasi, pekerja dan majikan memainkan peranan penting dalam membina atau menjatuhkan organisasi tersebut. Tanggungjawab kedua-dua ini sangat penting untuk memajukan organisasi itu. Oleh yang demikian, majikan perlu menghargai pekerja dan pekerja juga perlu menghargai majikan. Saling menghargai ini penting untuk membina ukhwah dalam organisasi.

Majikan perlu menghargai pekerja dengan beri insentif kepada pekerja seperti belanja makan, apabila sesuatu program berjalan dengan lancar atau surat penghargaan, menghargai pengorbanan pekerja ini dalam menjalankan pekerjaan yang diminta oleh majikan. Selain itu, mengadakan aktiviti bersama-sama juga dapat mengeratkan hubungan. Program seperti sukan, hari keluarga dan lain-lain. Semasa pelaksanaan program, majikan boleh menaja beberapa hadiah. Membincangkan kepada matlamat organisasi yang sama dapat menjadikan pekerja dihargai. Apabila pendapat pekerja didengari, hal ini dapat menunjukkan bahawa majikan menghargai pekerjaan yang dilaksanakan oleh pekerja.

Kita sebagai pekerja, perkara pertama yang perlu dilakukan adalah bersyukur kerana mendapat perkerjaan. Sudah banyak organisasi yang lingkup, dan pekerja tiada pekerjaan. Dalam menghargai majikan, perkara yang pekerja boleh laksanakan adalah dengan melaksanakan perkerjaan sebaik mungkin. Apabila pekerjaan dilaksanakan sebaiknya, hasil juga akan menjadi terbaik. Selain itu, sampai beberapa minit awal dari waktunya pun boleh menunjukkan bahawa kita menghargai perkerjaan ini. Tolong-menolong antara rakan sekerja dan menawarkan diri dalam melaksanakan program-program baru juga menunjukkan yang kita menghargai majikan.

Begitulah antara kelebihan jika kita dapat menanamkan sikap hargai dan menghargai antara majikan kepada pekerja, dan pekerja kepada majikan. Sikap ini bukan sahaja dapat mengeratkan silaturahim, organisasi juga akan lebih maju pada masa hadapan hasil daripada sikap saling menghargai tanpa jemu. Kebahagiaan dan ketenangan dalam melaksanakan pekerjaan akan muncul dalam hati masing-masing.

BOSS
At work, you are
the answer to all our
problems and questions.
Thank you for being
our very own
Google.

